



(12) KPKT/BPK/19/7/4 Klt. 28

14 November 2009

SIARAN MEDIA

KPKT BINA 3,016 UNIT DISARAWAK

KUCHING, SARAWAK 14 Januari 2010, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memperuntukan sebanyak RM311.8 juta bagi membina 3,016 unit PPR di Negeri Sarawak.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan, Datuk Seri Lajim Haji Ukin berkata daripada 5 projek perumahan yang dibina, sebanyak 2 projek(1,016 unit) telah siap manakala 3 projek (2,000 unit) lagi sedang dalam pembinaan.

Katanya, tiga projek yang masih dalam pelaksanaan termasuk PPR Batu Gong Siburan, PPR Kemena dan PPR Seduan Sibuan.

Lajim berkata, projek PPR Seri Wangi dan PPR batu 5, Jalan Matang telah siap dibina dan telah diserahkan untuk diurus tadbir oleh Perbadanan Perumahan Sarawak (HDC) pada tahun 2004 dan 2007.

Kata beliau, sehingga kini semua 1,016 unit rumah yang siap dibina dan telah disewakan kepada golongan setinggan dan golongan berpendapatan rendah di negeri ini.

Tambahnya, di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2009, sebanyak RM200 juta telah diluluskan bagi tujuan penyelenggaraan dan meningkatkan kemudahan di PPR sedia ada di seluruh negara.

Katanya, kerja-kerja penyelenggaraan dan peningkatan kemudahan ini melibatkan pembaikan unit-unit rumah yang rosak, mengecat semula bangunan, menaik taraf kemudahan awam sedia ada dan membina kemudahan-Kemudahan yang baru seperti Surau, Dewan, Taman Permainan Kanak-Kanak, Tempat Letak Kereta dan Pagar Keselamatan.

Bagi perancangan projek-projek baru dalam RMKe-10, Kementerian ini bercadang untuk membuat penyelarasan perancangan bersama dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri, berasaskan bilangan berdaftar dan taburan setinggan, lokasi strategik melibatkan infrastruktur, sosial dan pengangkutan awam serta keadaan tapak yang sesuai dan tidak melibatkan kos yang tinggi, ujarnya.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Kong Cho Ha. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Di keluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur. Tel: +60320992321, Faks: +60320956523; Email: pro@kpkt.gov.my; Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat jessy@kpkt.gov.my atau Encik Wan Zainal Shahrman di talian mudah alih 0196902862 atau emelkan ke wanzainalshahrman@kpkt.gov.my